

Tepung jagung punca letupan



» Serbuk pewarna punyai karbohidrat tinggi mudah terbakar: Pakar

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Serbuk pewarna yang diperbuat daripada tepung jagung, dipercayai menjadi punca letupan ketika sambutan Color Asia di Taman Tema Asia Formosa, New Taipei City, Taiwan pada Sabtu lalu.

Pensyarah Jabatan Kimia di Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin, berkata tepung jagung mempunyai kandungan karbohidrat yang tinggi, sekali gus menjadi bahan bakar terbaik.

Beliau berkata, serbuk pewarna digunakan secara meluas pada mana-mana pesta atau aktiviti, kerana orang ramai menganggap ia tidak terbakar dan bebas daripada toksik.

“Ini kesilapan utama penganjur kerana serbuk pewarna yang mempunyai karbohidrat yang tinggi adalah bahan bakar terbaik.

“Apabila disembur dengan udara yang kuat, serbuk pewarna diperbuat daripada tepung jagung ini akan bertebaran menjadi partikel kecil, sekali gus lebih mudah terbakar kerana mempunyai luas permukaan lebih besar.

Merebak dengan pantas

“Oleh itu, hanya percikan api, contohnya daripada puntung rokok boleh menyebabkan letupan dan kebakaran tanpa disedari, selain berupaya merebak dengan pantas,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Susulan insiden mengejutkan itu, pihak berkuasa Tai-

pei mengharamkan penggunaan serbuk berkenaan hingga siasatan selesai.

Kementerian Luar setakat ini mengesahkan dua rakyat Malaysia iaitu Wah Liang Jie dan Lim Sh Li, masing-masing pelajar Vanung University serta National Taiwan University, antara mangsa insiden itu.

Taufiq yang juga Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM, berkata faktor cuaca panas dan kering yang melanda Taipei ketika ini, turut menyebabkan kebakaran di pesta berkenaan menjadi marak dalam masa singkat.

“Pengunjung pesta itu yang rata-rata berpakaian renang diperbuat daripada poliester iaitu sejenis plastik, menyebabkan mereka terdedah kepada kecederaan serius akibat kebakaran.

“Apabila terbakar, pakaian renang ini akan terus melekat pada tubuh badan sehingga apinya sukar dipadamkan,” katanya.

“
Pengunjung pesta itu yang rata-rata berpakaian renang diperbuat daripada poliester iaitu sejenis plastik, menyebabkan mereka terdedah kepada kecederaan serius akibat kebakaran”

Taufiq Yap Yun Hin,
Pensyarah Jabatan Kimia
Universiti Putra Malaysia